

Jangan sembunyi, buat laporan

Sikap berdiam diri menyukarkan mangsa dikesan, justeru mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga perlu tampil ke hadapan supaya tidak lagi ditindas.

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madeline Berma, berkata mangsa keganasan rumah tangga sering kali adalah wanita dan kanak-kanak.

"Keganasan rumah tangga biasa berlaku di belakang pintu iaitu di dalam rumah tanpa pengetahuan pihak luar. Isu keganasan ini tidak seperti perkara lain yang mudah untuk dibawa berbincang, menyebabkan kebanyakan mangsa mengambil langkah untuk berdiam diri.

"Apa yang kita bimbangkan bukan saja wanita yang didera itu tidak mampu tampil ke hadapan untuk membuat laporan, tetapi juga anak mereka yang terkesan secara fizikal dan mental.

"Keganasan ini boleh diwarisi sekiranya kanak-kanak itu membesar dalam persekitaran yang membenarkan mereka untuk bertindak ganas," katanya.

Hulurkan pertolongan

Madeline berkata, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk membantu termasuk NGO untuk menghulurkan pertolongan kepada wanita dan kanak-kanak.

"Bantuan seperti khidmat kaunseling dan tempat perlindungan sangat penting untuk mereka keluar dari rumah yang menjadi tempat berlakunya keganasan.

18/4/2018

RH



"Keganasan ini boleh diwarisi sekiranya kanak-kanak itu membesar dalam persekitaran yang membenarkan mereka untuk bertindak ganas"

Madeline Berma,
Pengarah Pusat
Kepimpinan Wanita Tun
Fatimah Hashim, UKM

"Selain itu, guru dan kaunselor di sekolah juga perlu lebih peka untuk mengesan murid yang berkemungkinan menjadi mangsa keganasan. Antaranya terdapat kesan lebam, berada dalam kemurungan atau menjadi kaki buli.

"Jika mereka dikesan dengan lebih awal, situasi masih boleh dikawal kerana kita bimbang dengan keadaan mereka kelak sekiranya dibiarkan," katanya.

